



PELAN PEMULIHAN NEGARA - FASA 3

SEKTOR KREDIT KOMUNITI

Dikemaskini pada 8 Oktober 2021

Waktu Beroperasi

8.00 pagi – 6.00 petang

Waktu Kehadiran Pelanggan

8.00 pagi – 6.00 petang

Kapasiti Pekerja

80% bagi pengurusan pejabat, operasi dan sokongan

Merangkumi

- 1) Bayaran balik pinjaman berjadual
- 2) Transaksi pinjaman baharu

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti Yang Dilarang.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U.(A) 293/2021
- Akta 342
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

AKTIVITI DAN PENERANGAN

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kebersihan premis	<ul style="list-style-type: none"> • Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan dua (2) kali sehari iaitu sebelum dan selepas waktu operasi. • Memastikan ventilasi dan sistem pengudaraan yang baik di premis.
Pengurusan pelanggan	<ul style="list-style-type: none"> • Mengawal laluan keluar masuk pelanggan ke premis. • Memastikan kehadiran pelanggan serta penyedia perkhidmatan pihak ketiga direkodkan. • Menggalakkan pelanggan hadir dengan membuat temu janji. • Memberikan bantuan khusus kepada wanita hamil, Orang Kelainan Upaya (OKU) serta warga emas dan digalakkan untuk menyediakan slot masa serta kaunter khusus serta tempat menunggu berasingan bagi golongan ini. • Mewajibkan had jumlah pelanggan dalam satu-satu masa mengikut keluasan premis dengan penetapan satu (1) orang bagi setiap empat (4) meter per segi ruang lantai niaga.
Pengurusan pekerja	<ul style="list-style-type: none"> • Semua pekerja hendaklah lengkap divaksin COVID-19. • Pekerja hendaklah menjaga kebersihan diri serta mengamalkan penjarakan serta memakai pelitup muka pada setiap masa. • Susun atur pejabat perlu dipastikan agar penjarakan fizikal dikekalkan sekurang-kurangnya satu (1) meter setiap masa. • Elakkan perkongsian peralatan dan meminimalkan interaksi antara pekerja serta elakkan berkumpul untuk mengurangkan risiko penyebaran COVID-19. • Syarikat diwajibkan untuk membuat notis peringatan serta mesej berkala kepada kakitangan untuk menjaga kebersihan serta penjarakan fizikal.



PELAN PEMULIHAN NEGARA - FASA 3

SEKTOR KREDIT KOMUNITI

Dikemaskini pada 8 Oktober 2021

Waktu Beroperasi

8.00 pagi – 6.00 petang

Waktu Kehadiran Pelanggan

8.00 pagi – 6.00 petang

Kapasiti Pekerja

80% bagi pengurusan pejabat, operasi dan sokongan

Merangkumi

- 1) Bayaran balik pinjaman berjadual
- 2) Transaksi pinjaman baharu

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti Yang Dilarang.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U.(A) 293/2021
- Akta 342
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Saringan kesihatan dan Aplikasi MySejahtera	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan aplikasi MySejahtera untuk rekod kehadiran adalah diwajibkan. • Hanya individu dengan status “<i>Low Risk</i>” termasuk “<i>Casual Contact Low Risk</i>” dalam MySejahtera dibenarkan masuk ke dalam premis. Individu berstatus ‘<i>Close Contact</i>’/ ‘<i>Person Under Surveillance</i>’/ ‘<i>Suspected Case</i>’/ ‘<i>Confirmed Case</i>’ adalah tidak dibenarkan sama sekali. • Membuat saringan suhu badan. Individu dengan suhu melebihi 37.5 °C dan/ atau menunjukkan sebarang gejala COVID-19 tidak dibenarkan untuk memasuki premis.
Penggunaan <i>hand sanitizer</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Hand sanitizer</i> disediakan di pintu masuk dan lokasi umum yang bersesuaian dan dipastikan penggunaannya oleh semua individu yang memasuki premis.
Pemakaian pelitup muka (<i>face mask</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Pemakaian pelitup muka oleh semua individu yang berada dalam premis adalah diwajibkan.
Penjarakan fizikal	<ul style="list-style-type: none"> • Penandaan bagi penjarakan fizikal pelanggan sekurang-kurangnya satu (1) meter mesti dibuat menggunakan pita kain (<i>cloth tape</i>)/ papan tanda berdiri/ apa-apa kaedah bersesuaian. • Memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter sepanjang masa.